



JABATAN PELESENAN
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN, 46675 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN
Tel : 03-79604667, 0379609026 Faks : 03-79603725
Emel : zaleha_ahmad@mbpj.gov.my

NOTIS PEMBERITAHUAN PEMBAHARUAN LESEN TAHUN 2020

PERHATIAN,

1. MAJLIS TELAH MELULUSKAN PEMBAYARAN CAGARAN BAGI **PEMEGANG LESEN ESTABLISYMEN MAKANAN** SEBANYAK **RM2,000** MULAI TAHUN 2020. OLEH YANG DEMIKIAN, BAGI PEMEGANG LESEN SEDIADA **BAYARAN CAGARAN AKAN DIKENAKAN SEMASA PEMBAHARUAN LESEN TAHUN 2020** DILAKSANAKAN.

AMBIL PERHATIAN, PELUPUSAN CAGARAN AKAN DIKENAKAN BAGI PREMIS YANG DIARAH TUTUP BUAT KALI KEDUA (2) ATAS KESALAHAN PELANGGARAN SYARAT LESEN DAN DIKENAKAN TINDAKAN PENUTUPAN PREMIS.

JIKA BERLAKUNYA PELUPUSAN CAGARAN, PEMEGANG LESEN DIKEHENDAKI MENAMBAH SEMULA JUMLAH CAGARAN YANG DILUPUSKAN DALAM TEMPOH YANG DITETAPKAN. JIKA PEMEGANG LESEN ENGGAN ATAU GAGAL MEMBUAT PENAMBAHAN SEMULA CAGARAN TERSEBUT, MAJLIS AKAN MENGAMBIL TINDAKAN MENARIK BALIK KELULUSAN LESEN YANG TELAH DIBERIKAN.

PEMEGANG LESEN DINASIHATKAN UNTUK MENYEDIAKAN TAMBAHAN WANG TUNAI SEBANYAK RM2,000.00, ATAU PUN DERAH BANK ATAS NAMA '**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**' SEMASA MEMBUAT PEMBAHARUAN LESEN.

PEMEGANG LESEN DIKEHENDAKI MEMBERIKAN MAKLUMAT AKAUN BANK DAN ALAMAT EMEL BAGI URUSAN PEMBAYARAN CAGARAN.

2. PEMEGANG LESEN PENAJA, PASAR DAN PASAR MALAM PERLU MENGEMUKAKAN SALINAN PENDAFTARAN PERNIAGAAN (SSM) SEMASA PEMBAHARUAN LESEN 2020.
3. BAGI PEMEGANG LESEN PASAR MALAM PULA, BAYARAN SEWA PETAK SEBANYAK **RM 3.00** SEHARI AKAN DIKENAKAN DAN SEWA INI HENDAKLAH DIJELASKAN SEPENUHNYA UNTUK TEMPOH SETAHUN SEBELUM PEMBAHARUAN LESEN 2020 BOLEH DIBUAT.
4. KESEMUA PEMEGANG LESEN DIKEHENDAKI MENJELASKAN KOMPAUN (SEKIRANYA ADA) SEBELUM LESEN BOLEH DIPERBAHARUI. SEMAKAN KOMPAUN DAN STATUS TERKINI LESEN BOLEH DIBUAT MENERUSI APLIKASI ELESEN@MBPJ YANG BOLEH DIMUAT TURUN MENERUSI APLIKASI 'GOOGLE PLAYSTORE' DI TELEFON PINTAR ANDROID.

BAGI AKTIVITI YANG MELIBATKAN TUKAR GUNA BANGUNAN, PEMBAHARUAN KEBENARAN MERANCANG DAN PERMIT BANGUNAN HENDAKLAH DIBUAT TERLEBIH DAHULU DAN BIL BAYARAN HENDAKLAH DIKEMUKAKAN SEMASA PEMBAHARUAN LESEN 2020 DIBUAT.

PENGAMBILAN LESEN OLEH PEMILIK, PEKERJA ATAU WAKIL DIKEHENDAKI MENGEMUKAKAN KAD PENGENALAN/ PASPORT SEMASA PETUGAS KAUNTER KETIKA MENGAMBIL LESEN BAGI TUJUAN REKOD MAJLIS.

PEMBAHARUAN LESEN YANG DIBUAT OLEH PEKERJA ATAU WAKIL PERLU DISERTAKAN DENGAN SURAT KEBENARAN WAKIL, ATAU DENGAN MENGISI BORANG MAKLUMAT WAKIL YANG BOLEH DIDAPATI DI KAUNTER JABATAN PELESENAN DAN LAMAN WEB MAJLIS.

ARAHAN,
DATUK BANDAR.